

Nama :

Kelas:

Lot 2808, Jalan Gemilang,
Taman Seri Angkasa,
81800 Segamat, Johor.

28 April 2021.

Ke hadapan sahabatku Aliff, yang kini berada di Bandar Hilir, Melaka. Semoga saudara sekeluarga berada dalam keadaan yang sihat dan sejahtera.

Saudara,

Apa khabar saudara dan keluarga? Tidak lama lagi kita bakal menghadapi Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3). Saya berharap saudara telah membuat (a) _____ rapi untuk menghadapi peperiksaan tersebut. Pada warkah saya kali ini, saya ingin berkongsi sedikit sebanyak (b) _____ dan cara untuk kita sama-sama mencapai kejayaan dalam peperiksaan. Semoga perkongsian ini dapat (c) _____ saudara untuk menghadapi peperiksaan kelak.

Sudah menjadi rutin kepada saya untuk mula (d) _____ pelajaran sejak awal-awal lagi. Saya berpegang kepada prinsip sediakan (e) _____ sebelum hujan agar apabila tiba pada hari peperiksaan saya sudah bersedia sepenuhnya. Saya telah menyediakan (f) _____ harian yang agak padat agar saya dapat membahagikan masa (g) _____ saya dengan aktiviti mengulang kaji pelajaran, beriadah, dan berehat.

Saudara,

Selain itu, saya membuat pelbagai latihan untuk mendapatkan (h) _____ yang terbaik. Bagi mata pelajaran Bahasa Melayu, saya akan menulis sebuah (i) _____ dan menghantar kepada guru pada setiap minggu. Apabila karangan saya disemak oleh guru, saya dapat (j) _____ pembetulan yang dicatatkan oleh guru seterusnya saya akan (k) _____ karangan saya. Begitu juga dengan subjek lain terutamanya Matematik dan Sains. Saya akan membuat latihan pada setiap hari agar saya dapat menguasai sesuatu tajuk dengan baik.

Saudara,

Bagi saya, untuk mencapai kejayaan yang cemerlang dalam pelajaran, kita perlulah mempunyai (l) _____ dan keyakinan diri yang tinggi. Selain itu, kita haruslah mempunyai semangat berkobar-kobar untuk mendapatkan kecemerlangan dalam (m) _____ kerana saya percaya bahawa kalau tidak (n) _____ ruyung manakan dapat sagunya. Sikap mudah patah semangat dan (o) _____ bukanlah sikap yang harus dipupuk dalam diri seseorang pelajar. Kegagalan pada hari ini bukan bererti gagal buat selamanya.

Saudara,

Satu perkara yang perlu kita sedari ialah usaha tangga (p) _____. Tanpa usaha yang gigih dan berterusan suatu kejayaan (q) _____ untuk dicapai. Oleh itu, tiada jalan pintas untuk (r) _____ sesuatu kejayaan tersebut kerana yang bulat tidak akan datang bergolek, yang pipih tidak akan datang melayang. Jadi, kita mestilah (s) _____ membaca buku-buku rujukan dan nota-nota yang diberikan oleh guru-guru. Saya yakin, berkat usaha yang gigih pasti akan (t) _____ kejayaan yang cemerlang.

Sekian, sambutlah salam ingatan mesra daripada saya buat saudara sekeluarga. Saya berharap agar kita sama-sama tergolong dalam kalangan pelajar-pelajar yang berjaya nanti. Sekian, terima kasih.

Sahabatmu,
Aizad Haris

mengulangkaji	karangan	memperbaiki	melihat	dipecahkan
rajin	jadual	peperiksaan	payung	lapang
keputusan	persiapan	kejayaan	berputus asa	semangat
mencapai	tip	membantu	membuahkan	sukar